



## **KERAJAAN MALAYSIA**

---

### **PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 31 TAHUN 2005**

---

#### **PERUBAHAN SKIM-SKIM PERKHIDMATAN PENSYARAH UNIVERSITI, PENSYARAH PERUBATAN DAN PENSYARAH UiTM**

#### **TUJUAN**

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk memaklumkan keputusan Kerajaan mengenai perubahan skim perkhidmatan Pensyarah Universiti Gred DS45, DS51/52, DS53/54, Gred Khas C, Gred Khas B, Gred Khas A, Pensyarah Perubatan Gred DU45, DU51/52, DU53/54, Gred Khas C, Gred Khas B, Gred Khas A dan Pensyarah UiTM Gred DM41, DM45/46, DM51/52, DM53/54, Gred Khas C, Gred Khas B, Gred Khas A yang telah dilaksanakan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002.

#### **LATAR BELAKANG**

2. Pada masa ini perbekalan kenaikan pangkat dalam ketiga-tiga skim perkhidmatan ini adalah seperti berikut:-

## 2.1 **Pensyarah Universiti**

- (i) kenaikan pangkat dari Gred DS45 ke Gred DS52;
- (ii) kenaikan pangkat dari Gred DS51/52 ke Gred DS54 (Profesor Madya);
- (iii) kenaikan pangkat dari Gred DS53/54 ke Gred Khas C (Profesor);
- (iv) kenaikan pangkat Dalam Keadaan Istimewa dari Gred DS45, Gred DS51/52 ke Gred Khas C (Profesor); dan
- (v) kenaikan pangkat dari Gred Khas C ke Gred Khas yang lebih tinggi.

## 2.2 **Pensyarah Perubatan**

- (i) kenaikan pangkat dari Gred DU45 ke Gred DU52;
- (ii) kenaikan pangkat dari Gred DU51/52 ke Gred DU54 (Profesor Madya);
- (iii) kenaikan pangkat dari Gred DU53/54 ke Gred Khas C (Profesor);
- (iv) kenaikan pangkat Dalam Keadaan Istimewa dari Gred DU45, Gred DU51/52 ke Gred Khas C (Profesor); dan
- (v) kenaikan pangkat dari Gred Khas C ke Gred Khas yang lebih tinggi.

## 2.3 **Pensyarah UiTM**

- (i) kenaikan pangkat dari Gred DM41 ke Gred DM46;
- (ii) kenaikan pangkat dari Gred DM45/46 ke Gred DM52;
- (iii) kenaikan pangkat dari Gred DM51/52 ke Gred DM54 (Profesor Madya);
- (iv) kenaikan pangkat dari Gred DM53/54 ke Gred Khas C (Profesor);
- (v) kenaikan pangkat Dalam Keadaan Istimewa dari Gred DM45/46, Gred DM51/52 ke Gred Khas C (Profesor); dan
- (vi) kenaikan pangkat dari Gred Khas C ke Gred Khas yang lebih tinggi.

3. Bagi menjadikan ketiga-tiga skim perkhidmatan pensyarah ini lebih menarik, maka Kerajaan bersetuju untuk memasukkan satu lagi peruntukan kenaikan pangkat bagi ketiga-tiga skim perkhidmatan ini.

### **SKIM PERKHIDMATAN PENSYARAH UNIVERSITI, PENSYARAH PERUBATAN DAN PENSYARAH UiTM**

4. Perubahan yang telah dipersetujui oleh kerajaan ialah untuk menambah perbekalan kenaikan pangkat Dalam Keadaan Istimewa dari Gred DS45 ke Gred DS54 bagi skim perkhidmatan Pensyarah Universiti, dari Gred DU45 ke Gred DU54 bagi skim perkhidmatan Pensyarah Perubatan dan dari Gred DM45/46 ke Gred DM54 bagi skim perkhidmatan Pensyarah UiTM. Perbekalan-perbekalan lain dalam skim perkhidmatan yang berkuat kuasa adalah dikekalkan.

5. Pada masa ini kenaikan pangkat Pensyarah Universiti, Pensyarah Perubatan dan Pensyarah UiTM adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan dalam skim perkhidmatan. Di samping keperluan memenuhi syarat-syarat umum iaitu telah disahkan dalam perkhidmatan, melepasi semua Penilaian Tahap Kecekapan dan diperakukan oleh ketua jabatan/ketua perkhidmatan, pegawai dalam ketiga-tiga skim perkhidmatan ini diperlukan juga mencapai tahap kecemerlangan akademik yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Universiti. Berikutan berkuatkuasanya perubahan skim-skim perkhidmatan ini, maka **Kementerian Pengajian Tinggi dan Pihak Pengurusan Institusi Pengajian Tinggi Awam** hendaklah bersama-sama menentukan semula kriteria kecemerlangan bagi maksud kenaikan pangkat ke gred-gred berkaitan seperti yang telah ditetapkan dalam ketiga-tiga skim perkhidmatan ini. Dalam hal ini, Kerajaan telah memutuskan bahawa tahap-tahap kecemerlangan yang diperlukan bagi kenaikan pangkat ke gred-gred berkaitan adalah seperti berikut:-

## **GRES**

## **TAHAP KECEMERLANGAN**

Dari Gred DM41 ke Gred DM46	tahap kecemerlangan akademik yang <b>bermutu tinggi</b>
Dari Gred DS/DU/DM45 ke Gred DS/DU/DM52	tahap kecemerlangan akademik yang <b>istimewa mutunya</b>
Dari Gred DS/DU/DM52 ke Gred DS/DU/DM54	tahap kecemerlangan akademik yang <b>sangat istimewa mutunya</b>
Dari Gred DS/DU/DM54 ke Gred Khas C	tahap kecemerlangan akademik yang <b>terkemuka mutunya</b>
Dari Gred DS/DU/DM45 ke Gred Khas C	tahap kecemerlangan akademik yang <b>sangat luar biasa mutunya</b>
Dari Gred DS/DU/DM51/52 ke Gred Khas C	tahap kecemerlangan akademik yang <b>luar biasa mutunya</b>
Dari Gred DS/DU/DM45 ke Gred DS/DU/DM54	tahap kecemerlangan akademik yang <b>sangat terkemuka mutunya</b>

6. Skim-skim perkhidmatan Pensyarah Universiti, Pensyarah Perubatan dan Pensyarah UiTM yang telah diubah adalah seperti di [Lampiran A1](#), [A2](#) dan [A3](#). Format iklan jawatan adalah seperti di [Lampiran B1](#), [B2](#) dan [B3](#). Jadual Gaji Matriks bagi skim perkhidmatan berkenaan adalah seperti di [Lampiran C1](#), [C2](#) dan [C3](#).

## **TARIKH KUAT KUASA**

7. Tarikh kuat kuasa perubahan skim-skim perkhidmatan Pensyarah Universiti, Pensyarah Perubatan dan Pensyarah UiTM ini ialah mulai **1 Januari 2006**.

## **PEMBATALAN**

8. Dengan berkuatkuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini, maka skim perkhidmatan Pensyarah Universiti, Pensyarah Perubatan dan Pensyarah UiTM yang berkuat kuasa pada 1 November 2002 melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002 adalah dibatalkan dan digantikan dengan skim perkhidmatan dalam Pekeliling Perkhidmatan ini. Semua pelantikan mulai 1 Januari 2006 hendaklah menggunakan skim perkhidmatan yang baru. Perubahan skim perkhidmatan ini tidak melibatkan penyandang sedia ada.

**‘BERKHIDMAT UNTUK NEGARA’**



**( DATO' SRI ISMAIL ADAM )**  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA  
PUTRAJAYA

27 Disember 2005

Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi

Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam